

📅 Selasa, Jan 23 2018

## Ekonomi Malaysia diyakini

BH 23/1

PELABURAN dan langkah-langkah dirancang meningkatkan kehadiran mereka yang diambil syarikat multinasional mencerminkan keyakinan komuniti antarabangsa terhadap Malaysia sejak setahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, institusi seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan banyak badan global terkemuka lain memuji pengurusan berhemat kerajaan dalam mengendalikan ekonomi.

"Mereka iktiraf daya tahan dan daya saingnya (Malaysia) telah dibina, untuk kebaikan rakyat," katanya pada majlis pelancaran jongkong emas Demi Idaman Sdn Bhd di sini oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, semalam.



Sultan Sharafuddin (dua, kanan) berkenan melihat syiling dipersembahkan Najib (dua, kiri) selepas melancarkan jongkong emas Demi Idaman Sdn Bhd, semalam.

Najib berkata, syarikat antarabangsa dan modal asing masuk negara pada kadar yang tidak dilihat.

"Saudi Aramco, syarikat minyak terbesar dunia dan HSBC, satu da-

ripada bank terbesar di dunia, antara syarikat utama yang umumkan hasrat mereka melabur di negara ini sepanjang tahun lalu.

"Banyak lagi syarikat multina-

sional yang ikut jejak langkah, melabur dan buka operasi mereka di Malaysia," kata Najib.

Beliau berkata, dengan pembangunan berterusan industri dalam sempadan Malaysia, kerajaan terus menyediakan kepada rakyat kehidupan lebih baik dan memuaskan dalam tahun akan datang.

Menurutnya lagi, pelancaran produk jongkong emas itu satu kejayaan penting Demi Idaman serta industri emas negara.

Najib berkata, meskipun harga emas mungkin turun naik, keyakinan individu, institusi kewangan, bank pusat dan malahan kerajaan terhadap logam kuning itu tidak dijangka berkurangan dalam tempoh terdekat ini. - *Bernama*